

BH 27/5/2024 m/s 22

UMT simpan 50,000 spesimen marin bernilai RM7.5 juta


RRC fokus pengumpulan kepelbagaian di perairan Malaysia

Oleh Amirul Salam Hasan
bhpendidikan@bh.com.my

Kuala Terengganu: Lebih 50,000 spesimen marin bernilai RM7.5 juta tersimpan di Pusat Rujukan & Repositori Laut China Selatan dan Sekitaran (INOS), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) yang dikhususkan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.

UMT dalam kenyataan akhbarnya berkata, RRC turut menyimpan 70 spesimen yang dikelaskan sebagai 'type' spesimen iaitu yang digunakan untuk menamakan spesies baharu dalam sains.

"RRC yang ditubuhkan pada 2004 juga berfungsi sebagai 'muzium sejarah semula jadi marin' dengan fokus kepada pengumpulan kepelbagaian marin yang terdapat



Siswa UMT melakukan ujian spesimen terhadap penyu yang ditemui mati di perairan Terengganu.

di perairan Malaysia (Laut China Selatan dan Selat Melaka).

"INOS UMT sering dijadikan pusat pakar rujuk berkaitan isu membabitkan lautan serta hidupan marin.

"Justeru RRC turut berhasrat untuk menjadi repositori utama dan pusat rujukan untuk koleksi marin di Malaysia bagi tujuan penyelidikan dan pendidikan," katanya.

UMT berkata, kebanyakan spesimen yang diletakkan di RRC adalah sumbangan daripada

penyelidikya sendiri, namun terdapat juga spesimen yang disumbangkan oleh penyelidik luar.

Dapat pengiktirafan

Sehingga kini, RRC UMT sudah mendapat pengiktirafan oleh kerajaan Malaysia sebagai pusat repositori utama spesimen marin, manakala di peringkat antarabangsa pula, RRC diperakui oleh kerajaan Australia sebagai pusat pertukaran atau pinjaman spesimen biologi dengan institusi di negara itu.